

Alam Islam

Muktamar Islam yang bersejarah di Iskandariah

Memutuskan Bahawa Puak-puak Qadiani, Ahmadiyyah Lahore dan Baha'i: Kafir Murtad!

Oleh: Abdul Manan bin Abdul Majid Asmawi, Jauhar, Kaherah

Satu Kongres Islam yang bersejarah, yang dihadiri oleh wakil-wakil Islam dari lima puluh dua negeri-negeri di Asia, Afrika dan juga Eropah, telah bersidang di Iskandariah baharu-baharu ini.

Kongres Islam ini dianjurkan oleh “Badan Perhubungan Umat Islam Yang Berbagai Bangsa” yang dikelolai oleh Kementerian Wakaf Mesir. Sebahagian besar dari penuntut-penuntut sekolah tinggi dan rendah turut juga menghadirinya.

Kongres ini telah dibahagi kepada tiga bahagian, dan tiap-tiap bahagian telah bersidang selama 15 hari.

Di bawah ini penulis hanya catitkan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam bahagian yang akhir sekali – bahagian yang ketiga sahaja, yang telah dimulai dari 5 hingga 12 September 1960 yang lalu.

Sepanjang masa muktamar itu berjalan, banyak alim ulama, orang besar-besar Islam dalam dan luar negeri telah menghadirinya dan memberi pidato-pidato yang bernilai. Di antara mereka ialah Faḍīlat al-Ustādh al-Shaykh Mahmud Syaltut, Shaykh al-Jāmi‘ al-Azhar, Jeneral Muḥammad Ṣāliḥ Harb Pemimpin *Jamiyah al-Shabbān al-Muslimīn* (Pertubuhan Pemuda Islam), Dr. Abdullah Māḍī Mudir Am sekolah-sekolah

tinggi agama, al-Shaykh Muhammad al-Madani, Ketua Fakulti Syariah Islam – Azhar, dan al-Shaykh al-Sadiq Arjun, Ketua Ulama Sekolah Tinggi Iskandariah.

Wakil-wakil dari berbagai-bagai negeri masing-masing berucap – dalam bahasa Arab atau Inggeris ataupun Parsi – memperkenalkan negerinya dan masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh negeri mereka.

Sebelum akhir muktamar, al-Ustādh Muhammad Taufiq ‘Urayḍah telah mengisytiharkan keputusan Kongres dengan lantang dan penuh semangat di hadapan persidangan agung itu, seperti berikut:

Bismillāhi al-rahmān al-rahīm

- 1) Kami berjanji dan berikrar kepada Allah yang Maha Kuasa akan berjuang terus dengan segala daya dan upaya pada jalan meninggikan kalimah Allah (agama Islam).
- 2) Memajukan dan mengembangkan agama Islam di alam Islam seluruhnya, dan berdiri dalam satu barisan bagi menentang penjajah dan penyokong-penyokongnya hingga tercipta negara Islam dalam erti kata yang sebenar.

3) Yahudi Israel adalah musuh Islam yang besar, maka wajib atas umat Islam yang ada di permukaan bumi ini supaya jangan berdiam diri bagi menghapuskan dan menentang keras berdirinya kerajaan Israel dan menuntut supaya dikembalikan Palestin kepada anak negerinya yang sebenar.

4) Atas nama persaudaraan Islam, wajib atas kita menentang dan menjauhkan segala bahaya yang mengancam umat Islam seluruhnya. Umat Islam

wajib menyokong perjuangan umat Islam al-Jazā'ir (Algeria) yang sedang menentang penjajah Perancis yang kejam dan tidak berperikemanusiaan.

5) Kongres ini menentang keras kemasukan mazhab-mazhab sesat di dalam Islam, iaitu mazhab Qadiani, Ahmadiyah Lahore, Baha'i dan lain-lainnya yang diciptakan dan diongkosi oleh imperialis kerana mazhab-mazhab yang tersebut ialah seteru Islam, dan pemeluk-pemeluknya: kafir murtad!



Gambar pelajar-pelajar Tanah Melayu di Mesir, dari Maksakar Abu Bakar al-Siddiq tahun yang pertama. Duduk dari kanan:

Muhammad Syafie Terengganu, Othman Kelantan dan Ashaari Amri perak. Berdiri dari kanan: Muhammad Zain

Kelantan, Syafie Abdullah Kelantan, Muhammad Taib Pahang, Abdul Manan Abdul Majid Johor (penulis berita ini)

dan Muhammad Ismail Kelantan.